# BULETIN PPANS

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN**

JANUARI - APRIL BIL : 1 / 2022
ISSN : 2232-1454

Sila Scan QR CODE untuk muat turun Buletin PPANS

**KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA 2022 @ NEGERI SEMBILAN ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA MAJLIS PENGARAH-PENGARAH PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA (MPAM).**

mpam

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF KIK 2022 HORIZON BAHARU

PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA @ NEGERI SEMBILAN

Oleh :

**YAB DATO' SERI HJ. AMINUDDIN BIN HARUN**
**MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

30 MAC 2022 (RABU) | 8.30 MALAM
HOTEL ROYALE CHULAN, SEREMBAN









*Idea, Konsep Asal & Susunan : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan*

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



# ISI KANDUNGAN


| ISI KANDUNGAN | MS |
|---|---|
| SIDANG EDITORIAL PPANS | 02 |
| LENSA PENGARAH | 03 |
| DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN | 04 |
| BUKU TERKINI PPANS | 05 |
| MALAM PUISI NEGERI SEMBILAN DI HATI | 06 |
| PENYAMPAIAN HADIAH MALAM PUISI NEGERI SEMBILAN DI HATI | 07 |
| KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA | 08-10 |
| PROGRAM KEILMUAN DAN OLEK IBU SOKO ADAT LINGKUNGAN DAN LUAK TANAH MENGANDUNG | 11 |
| PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT "BANGKIT BACA BERSYUKUR" | 12-13 |
| PROGRAM WORLD @ #QURANHOUR 1443H | 14 |
| FOKUS LENSA | 15 |
| WAGHIH MEMBACA | 16-17 |
| PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT | 18 |
| PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT | 19 |
| PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT | 20 |



Tel : 06-7635989 06-7621308
Fax : 06-7635944
Email : ppans@nslibrary.gov.my
Laman Sesawang : www.nslibrary.gov.my
Alamat : Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus
Jalan Persiaran S2 B2, Seremban 2
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus



JANUARI - APRIL BIL : 1 / 2022

ISSN : 2232-1454






## PENAUNG

**YB DATO' DR. RAZALI B. AB MALIK**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

## PENASIHAT

**HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS**
Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

## KETUA PENGARANG

**HAMDAN BIN HAJI NORDIN**
Penolong Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

## PENOLONG KETUA PENGARANG

**SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID**
Ketua Unit Korporat, PPANS

## GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat , PPANS
Unit Gerakan Membaca N.S
Unit Perolehan
Unit Media
Unit Teknologi & Komunikasi
Bahagian Pelanggan

## PENGEDARAN DAN PROMOSI

**YUSRIZAL BIN ANI**
Unit Korporat PPANS

## REKABENTUK & PERCETAKAN

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

## JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS

## DITERBITKAN OLEH

UNIT KORPORAT
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS




PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN 2022 DI DEWAN THEATRET,SEREMBAN




PERBINCANGAN KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DI PERPUSTAKAAN NEGERI,SEREMBAN 2




MISI BANTUAN BANJIR BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN DAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN




LAWATAN PENANDA ARAS PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KE PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI, SEREMBAN 2




LAWATAN PENYELENGGARAAN U-PUSTAKA OLEH BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN (BRSP) PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA KE PERPUSTAKAAN




PERSIDANGAN PEGAWAI PENGAWAL NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS DI HOTEL GRAND RENAI, KOTA BHARU, KELANTAN




LAWATAN YB TUAN MOHAMAD NAZARUDIN BIN SABTU PENGERUSI JAWATANKUASA BERTINDAK KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN ADAT ISTIADAT MELAYU (EXCO & ADUN PILAH)MERANGKAP PENGERUSI GERAKAN MEMBACA PPANS KE PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2




MAJLIS PELANCARAN LAGU IDENTITI NEGERI SEMPENA HARI KEPUTERAAN YANG KE-74 TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR DI KLANA RESORT, SEREMBAN




MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39 PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) DI DEWAN SERBAGUNA KSM, PUTRAJAYA




SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2022 DI PADANG MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (MPS)




MESYUARAT PENGURUSAN BIL.1/2020 DI BILIK MESYUARAT PPANS, SEREMBAN 2




MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA 2022 @ NEGERI SEMBILAN DI ROYALE CHULAN, SEREMBAN




MESYUARAT MAJLIS PENGARAH-PENGARAH PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA (MPAM) BIL.1/2022 DI ROYALE CHULAN, SEREMBAN




MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA 2022 @ NEGERI SEMBILAN DI ROYALE CHULAN SEREMBAN




## PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



### PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

72120 Bandar Seri Jempol,
Negeri Sembilan.
Email: pac_jempol@nslibrary.gov.my
No. Telefon : 06-458 5260



### PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

71600 Kuala Klawang, Jelebu,
Negeri Sembilan.
Email: pac_jelebu@nslibrary.gov.my
No. Telefon : 06-613 6175



### PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai,
71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
Email:pac_pd@nslibrary.gov.my
No. Telefon : 06-647 7677



### PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

Jalan Batu Hampar,
71300 Rembau, Negeri Sembilan.
Email: pac_rembau@nslibrary.gov.my
No. Telefon : 06-685 3302



### PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

Jalan Bukit,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
Email:pac_kualapilah@nslibrary.gov.my
No. Telefon : 06-481 1461



### PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

Jalan Kelab, 73000 Tampin,
Negeri Sembilan
Email: pac_tampin@nslibrary.gov.my
No. Telefon : 06-441 1289




### PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

Jalan Tok Sulong,73400 Gemas,
Negeri Sembilan
Email: pacgemas@gmail.com
No.Telefon : 07-9482725

## PERPUSTAKAAN DESA

**Perpustakaan Desa Legong Ulu**
Kg.Legong Ulu,71350 Kota,
Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 012-244 3067

**Perpustakaan Desa Titian Akar**
Kg.Titian Akar,71150
Linggi,Negeri Sembilan.
Email: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 06-696 6479

**Perpustakaan Desa Kg.Rendah**
Kg.Rendah Rembau,71300
Rembau Negeri Sembilan.
Email: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No.Telefon: 013-605 5781

**Perpustakaan Desa Air Hitam**
Kg .Baru Felcra Air Hitam,
72120 Bandar Seri Jempol,
Negeri Sembilan.
Email:perpustakaandesaairhitam@gmail.com
No.Telefon: 06-4676099

**Perpustakaan Desa Serting Hilir Kompleks**
72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: pdsertinghilir@yahoo.com
No.Telefon: 06-4683024

**Perpustakaan Desa Felda Palong 7**
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Email: pdfeldapalong7@gmail.com
No.Telefon: 06-4646697

**Perpustakaan Desa Kg.Talang**
Kg.Talang,71500 Tanjong Ipoh,Negeri Sembilan.
Email: pdtalang1@gmail.com
No.Telefon: 011-20694430

**Perpustakaan Desa Seri Menanti**
Dewan Tuanku Ampuan Najihah
Negeri Sembilan.
Email: sitihazidah@gmail.com
No.Telefon: 06-4970133

**Perpustakaan Desa Simpang Pertang**
d/a Balai Penghulu,72300 Simpang Pertang,
Jelebu, Negeri Sembilan.
Email: norliza.abuzaid@yahoo.com
No.Telefon: 06-4920073

**Perpustakaan Desa Kg.Chennah**
Kg.Chennah,71650 Titi Jelebu,
Negeri Sembilan.
Email: pdchennah@gmail.com
No.Telefon: 06-6111058

**Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan**
73200 Gemenceh,
Negeri Sembilan.
Email: pdaks.2001@gmail.com
No.Telefon: 06-447 8022

**Perpustakaan Desa Jelai 4**
Jelai 4,73480 Gemas,Negeri Sembilan.
Email:pdj4.pact@gmail.com
No.Telefon: 06-434 8973

**Perpustakaan Awam Pekan Mantin**
Jalan Sekolah
71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Email:hayatiismail1964@gmail.com
No.Telefon: 06-757 1315

**Perpustakaan Awam Pekan Bahau**
72100 Bahau,Negeri Sembilan.
Email: librarybahau@gmail.com
No.Telefon: 06-4542036

**Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf**
12 lot 15709, Tingkat bawah
Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan,
70400 Seremban, Negeri Sembilan
Email: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com
No.Telefon: 06-6791722

**Perpustakaan Islam Masjid Negeri**
Bangunan Masjid Negeri,Jalan Dato'Hamzah, 70000,
Seremban.
Email: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my
No.Telefon: 011- 2323 2868




| | |
|---|---|
| Judul | : Sajak-sajak pilihan Dharmawijaya |
| No. Panggilan | : KNS 899.231 DHA |
| Bahagian | : Koleksi Negeri Sembilan |
| Harga | : RM 28.00 |
| Penerbit | : MZ Edu Publications |
| Muka surat | : 166 ms |

| | |
|---|---|
| Judul | : Tassawur Al- Quran: Baca, Tapi Tak Faham |
| No. Panggilan | : 297.1229 AFF |
| Bahagian | : Pinjaman |
| Harga | : RM 28.00 |
| Penerbit | : CDT Management & Training Sdn. Bhd. |
| Muka surat | : 150 ms |







| | |
|---|---|
| Judul | : Sins As Scarlet |
| No. Panggilan | : F OBR |
| Bahagian | : Pinjaman |
| Harga | : RM 52.50 |
| Penerbit | : Penguin Books |
| Muka surat | : 381 ms |

| | |
|---|---|
| Judul | : Percaya Aku Boleh, Pasti Berjaya Jangan Putus Asa |
| No. Panggilan | : 158.1 HAB |
| Bahagian | : Pinjaman |
| Harga | : RM 22.00 |
| Penerbit | : Sri Saujana Marketing |
| Muka surat | : 250 ms |







| | |
|---|---|
| Judul | : My Encyclopedia of Very Important Dinosaur |
| No. Panggilan | : JR 567.9 MYE |
| Bahagian | : Rujukan Kanak-Kanak |
| Harga | : RM 86.95 |
| Penerbit | : Dorling Kindersley Limited |
| Muka surat | : 224 ms |

## ULASAN BUKU




**TAJUK :**
**SAJAK-SAJAK PILIHAN DHARMAWIJAYA**

**PENULIS :**
- **DHARMAWIJAYA**

**SINOPSIS**

• DHARMAWIJAYA sudah tidak asing lagi dalam dunia kesusasteraan tanah air. Konsistensinya berkarya sejak 1960-an sehingga 2000-an. Tokoh yang tidak mungkin dilupakan dengan sajak-sajak yang berbobot dan harmonis serta puitis.

Pengucapannya indah, segar dan bersifat mesra khalayak kerana menggunakan diksi yang jelas dapat menyampaikan mesej tanpa mementingkan symbol secara peribadi.

Kumpulan **Sajak-sajak Pilihan Dharmawijaya** ini memuatkan seratus Buah puisi yang membuktikan kegigihannya dalam menyuarakan perjuangan hidup, kemanusiaan sejagat serta jatidiri penyair khusus tentang kecintaannya pada tanah kelahiran, golongan marhaen sekali gus semangat patritisme yang tak kunjung padam dalam jiwa kepenyairannya.

Penyair membuktikan keunggulannya dalam mengucapkan perasaan seninya melalui puisi dan mengabadikannya buat khazanah kesusasteraan tanah air.

## Buapak Tiga Carak

Tiga orang Buapak yang bertaraf Lembaga mewakili tiga suku yang tidak berlembaga di luak Inas. Di samping itu mereka juga bertanggungjawab mencari calon bakal Penghulu luak Inas. Jemaah ini diketuai oleh Tok Paduka Pahlawan (suku Biduanda Kabung) dan dianggotai oleh Tok Paduka Kebangsa (suku Biduanda kebangsa) dan Tok Amar Penghulu (suku Biduanda Betawi). Keputusan akan diserahkan kepada Datuk Bentara Jantan selaku penyandang (pemangku) pusaka penghulu luak bagi mendapat restu.

GLOSARI ADAT NEGERI SEMBILAN




18 Februari 2022 – Penyajak dan penulis merupakan pejuang dan pelopor bangsa di dunia. Benarlah kata pujangga bahawa mata pena lebih tajam daripada mata pedang dalam perjuangan.Bagi memartabatkan serta mengetengahkan seni berharga ini, Pertandingan Penulisan Sajak dan Pendeklamasian Sajak yang melibatkan penyertaan daripada seluruh Negeri Sembilan telah diadakan.Program tersebut merupakan usaha sama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), PUSPANITA Negeri Sembilan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).Para peserta pertandingan telah diraikan pada Malam Puisi Di Hati yang turut menampilkan tokoh sastera dan budaya serta selebriti.

Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut bersama dalam majlis adalah Yang Berhormat Dato' Dr. Razali bin Ab Malik,Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Yang berhormat Tuan Nazaruddin bin Sabtu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesenian, Kebudayaan, dan Adat Istiadat Melayu merangkap Pengerusi Jawatan kuasa Gearakan Membaca Negeri Sembilan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis,Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Yang Berbahagia Puan Roziah binti Md. Yunus Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum, Dewan Bahasa dan Pustaka, Ketua-ketua Jabatan dan Wakil Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.












*"Penulisan sajak dan deklamasi sajak adalah ditulis dan di deklamasikan dalam Bahasa Melayu. Bahasa Melayu iaitu Bahasa Kebangsaan merupakan salah satu pemangkin utama dalam mewujudkan perpaduan di negara kita yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum. Hubungan antara kaum dan etnik sentiasa menjadi agenda dalam usaha kerajaan untuk mencapai keharmonian masyarakat dan keamanan negara. Dalam hal ini, saya yakin unsur paling penting Penyatuan bangsa dan pengukuhan negara ialah Menyedari hakikat dan amalan Bahasa jiwa bangsa."*

***Ucapan YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun,***
***Menteri Besar Negeri Sembilan dalam Malam Puisi Negeri Sembilan.***

# 8 KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA

**KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA 2022 @ NEGERI SEMBILAN ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA MAJLIS PENGARAH-PENGARAH PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA (MPAM).**



PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
CAWANGAN BEAUFORT
**KUMPULAN MOGOGOT**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM KEDAH
**KUMPULAN D' BACA**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI PERAK
**KUMPULAN XTREAM**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM MELAKA
**KUMPULAN PERPUSTAM CREW**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM PULAU PINANG
**KUMPULAN CAPTIVATORS**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR
**KUMPULAN EASY.GO**



PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG
UKM, BANGI
**KUMPULAN MIZAN**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM KEDAH
**KUMPULAN I-LIBS**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI SEMBILAN
**KUMPULAN TOSHOKAN**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU
**KUMPULAN R.E.A.D**



PUSTAKA NEGERI SARAWAK
**KUMPULAN NADIM**



PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
CAWANGAN RANAU
**KUMPULAN LIBRU**



PUSTAKA NEGERI SARAWAK
CAWANAGN MIRI
**KUMPULAN PRODIGY 6**



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM
**KUMPULAN I-CLIQUE**



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
PULAU PINANG
**KUMPULAN BIBLIOTECA**

# 9 KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA




30 Mac 2022 - Majlis Penyampaian Hadiah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Perpustakaan Se-Malaysia 2022 @ Negeri Sembilan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM )telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Aminuddin bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Perpustakaan Se-Malaysia 2022 @ Negeri Sembilan telah bermula pada 29 hingga 30 Mac 2022 bertempat di Royale Chulan, Seremban.Sebanyak15 Pasukan KIK dari Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan IPTA seluruh Malaysia bertanding bagi merebut kejuaraan bagi kategori projek penciptaan dan kategori projek penambahbaikan. Konvensyen ini merupakan hasil cetusan idea daripada Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia bermula pada tahun 2008. Objektif pelaksanaan konvensyen ini adalah sebagai usaha dan harapan pelanggan terutamanya dalam bidang kepustakawanan serta meningkatkan produktiviti di setiap perpustakaan terutamanya yang menyertai pertandingan ini.

Turut bersama YB Dato' Dr. Razali bin Ab Malik,Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, YBhg. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis,Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia dan Ketua-Ketua Pustakawan Perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diadakan sebagai satu usaha untuk meningkatkan penyertaan anggota perkhidmatan awam dalam aktiviti penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan. Penganjuran Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif dilihat dapat merubah dan memperkenalkan cara baharu yang lebih cekap dan berkesan serta menghasilkan output dan outcome yang lebih baik. Penganjuran ini diharap dapat menjadikan KIK sebagai satu budaya bagi menghasilkan penambahbaikan Perpustakaan Awam Se-Malaysia.

Pembudayaan kerja melalui KIK merupakan kaedah terbaik dalam membantu kerajaan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam negara terutama dalam bidang kepustakawanan yang semakin penting bagi perkembangan ilmu dan maklumat di Malaysia. Kerajaan memandang serius usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan dengan matlamat agar perkhidmatan yang disampaikan sentiasa memenuhi kehendak dan harapan pelanggan.

Antara pasukan yang menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Kumpulan MOGOGOT **(SABAH),** Kumpulan D'BACA **(KEDAH)**, Kumpulan XTREAM **(PERAK)**, Kumpulan BIBLIOTECA **(PULAU PINANG)**, Kumpulan MIZAN **(UKM)**, Kumpulan EASY.GO **(SELANGOR),** Kumpulan PERPUSTAM CREW **(MELAKA)**, Kumpulan NADIM **(SARAWAK)**, Kumpulan I-CLIQUE **(UITM SELANGOR),** Kumpulan LIBRU **(SABAH)**, Kumpulan CAPTIVATORS **(PULAU PINANG)**, Kumpulan I-LIBS **(KEDAH)**, Kumpulan TOSHOKAN **(NEGERI SEMBILAN)**, Kumpulan R.E.A.D **(TERENGGANU)** dan Kumpulan PRODIGY 6 **(SARAWAK)**.



**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA 2022 @ NEGERI SEMBILAN ANJURAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DENGAN KERJASAMA MAJLIS PENGARAH-PENGARAH PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA (MPAM).**




ANUGERAH KUMPULAN TERBAIK
EASY.GO ( SELANGOR )




ANUGERAH DOKUMENTASI TERBAIK
R.E.A.D (TERENGGANU)




ANUGERAH PRODUK INOVASI
DAN KREATIF TERBAIK
PRODIGY 6 (SARAWAK)




ANUGERAH PERSEMBAHAN TERBAIK EASY.GO (SELANGOR)




ANUGERAH POSTER BUNTING TERBAIK MIZAN (UKM BANGI)

## *Kategori* PENAMBAHBAIKAN



**JOHAN**
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
SELANGOR ( EASY.GO )



**NAIB JOHAN**
PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
CAWANGAN RANAU( LIBRU )




**KETIGA**
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU ( R.E.A.D )

## *Kategori* PENCIPTAAN



**JOHAN**
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM PERAK ( XTREAM )



**NAIB JOHAN**
PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
BANGI ( MIZAN )



**KETIGA**
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI SEMBILAN ( TOSHOKAN )

## PROGRAM KEILMUAN DAN OLEK IBU SOKO ADAT LINGKUNGAN DAN LUAK TANAH MENGANDUNG ANJURAN LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN BERSAMA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN.





Program ini telah diadakan pada 31 Mac 2022 bertempat di pekarangan Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Program yang dianjurkan oleh Lembaga Muzium Negeri Sembilan bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah berlangsung pada 31 Mac 2022 di pekarangan Perpustakaan Negeri, Seremban 2 dan telah dirasmikan oleh YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang Dipertua BAKRIYAH Negeri Sembilan. Program tersebut juga di serikan lagi dengan kehadiran YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Selain itu, turut bersama iaitu YB Puan Nicole Tan Lee Koon Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan, Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Drs.Shamsudin bin Ahmad, Pengarah Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Ahli Jawatankuasa BAKRIYAH Negeri Sembilan, Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia, Ketua-Ketua dan Wakil Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta para peserta Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu daripada perpustakaan seluruh Malaysia.

Program keilmuan yang diadakan ini adalah dalam bentuk demonstrasi masakan tradisi ibu soko daripada Adat Lingkungan dan Luak Tanah Mengandung iaitu Luak Ulu Muar, LuakTerachi, Luak Gunung Pasir dan Luak Inas.

bu Soko adalah istilah khusus kepada seseorang wanita di Negeri Sembilan yang mahir dan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai perkara khususnya berhubung perjalanan adat dan mempunyai peranan besar dalam mengendalikan majlis keramaian terutama perkahwinan. Ibu soko turut bertanggungjawab dalam melaksanakan ketentuan agama dan adat, meneruskan jurai keturunan kelompok keluarganya, memastikan keturunannya menjadi ahli masyarakat berguna dan memiliki sikap madani.

Program seumpama ini memberi peluang dan kesempatan yang terbaik kepada para tetamu untuk menikmati air tangan ibu soko Adat Lingkungan dan Luak Tanah Mengandung yang setelah sekian lama diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi. Pada masa yang sama, ia adalah merupakan usaha murni untuk memastikan warisan masakan tradisi terus kekal terpelihara buat selama-lamanya walaupun menghadapi cabaran dengan kemunculan pelbagai makanan yang selari dengan peredaran zaman.

Justeru, sudah tiba masanya terutama generasi muda di dedahkan mengenai tugas ibu soko supaya suatu hari nanti kita tidak ketandusan pengganti yang mempunyai kefahaman tentang peranan ibu soko dalam Adat Perpatih.






















Pada tahun ini bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak cipta Sedunia, program **JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT/*LET'S READ TOGETHER FOR 10 MINUTES*** bertemakan **"BANGKIT BACA & BERSYUKUR"** telah diadakan di seluruh Malaysia bersama Perpustakaan Awam Negeri-negeri Se-Malaysia.Program ini merupakan sebahagian daripada gerakan membaca yang dijalankan setiap tahun sebagai usaha berterusan membentuk masyarakat yang membudayakan tabiat membaca. Pada tahun ini, kesemua Perpustakaan Awam Negeri melaksanakan program ini secara serentak pada hari, tarikh dan masa yang sama, iaitu pada 21 April 2012 pada jam 11.00 hingga 11.10 pagi.Konsep program ini di ilhamkan daripada sambutan Earth Hour di mana semua peserta tanpa mengira apa jua aktiviti yang sedang dilakukan akan bersama-sama berhenti sebentar dan membaca selama 10 minit secara serentak.Moga pelaksanaan program ini dapat memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sekaligus menjadikan Perpustakaan Awam Negeri-negeri seluruh Malaysia relevan dalam masyarakat dan memartabatkan pustakawan sebagai warga pendidik selepas sekolah.
















MAJLIS PERASMIAN
JOM
baca


PPANS

PPANS

PPANS




*"Dan jika penduduk negeri beriman dan bertakwa, pasti Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan daripada langit dan bumi, tetapi ternyata mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), maka Kami seksa mereka sesuai dengan apa yang telah mereka lakukan."*
*( Terjemahan Surah Al-Araf, 7:96 )*


DUNIA BERSUJUD [THE WORLD PROSTRATES] | SURAH AL-SAJDAH (The Prostration)
Surah 32, 30 Verses, Chapter : 21st, Makkiyyah

9 CONVICTIONS THAT SHAPE SUBMISSIVE SOULS

| | |
|---|---|
| The Function Of Al-Quran | Al-Quran Al Karim and the Truth of Prophethood |
| The Power and Might of Allah SWT | The Might and Power of Allah SWT who creates and governs each and every creation |
| The process of human creation | The creation of mankind and the blessings of hearing, sights & hearts |
| Faith in The Day of Resurrection | Arguments and evidences of Resurrection Day, and that to Him people will be returned |
| Punishment due to Heedlessness | The conditions of the Disbelievers on Judgment Day and the recompense of the transgressors |
| Fall into prostration and Do righteous deeds | The Believers in this world and their rank with Allah SWT in the Hereafter |
| Rewards of Paradise and Tortures of Hell | Rewards for the Believers and recompense for the defiantly disobedient people |
| Al-Quran the guidance of the straight path | Connection between two Messages, the Taurat as revealed to Prophet Musa, and the attitudes of Bani Israel towards him |
| Allah's Power and The Day of Victory | Affirming tauhid, Allah's Power and the Day of Victory |

KEY TAKEAWAYS OF SURAH A-SAJDAH
Faith
Prostration
Humility

Sujud At-Tilawah :
"I have prostrated my face to the One Who created it and brought forth its hearing and seeing by His Might and Power. Blessed be Allah the Best of Creators."

#Quran Hour merupakan sebuah Gerakan yang diinisiatifkan oleh Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) dengan gabungan RumahNgaji Negeri-negeri, bertujuan menggalakan setiap individu berinteraksi dengan Al-Quran melalui Baca, Faham dan Amal. Ianya adalah sebuah usaha untuk melakukan paradigma atau *mindset change* sehingga lahir karekter mulia. Gerakan #QuranHour telah bermula pada tahun 2015 merupakan program satu jam Bersama Al-Quran sebagai sebuah permulaan untuk melakukan "*mindset change*" melauli **QTT (Quran, Taddabur, Tazakkur)**, mengambil nilai-nilai dari Al-Quran sehingga lajir akhlak sebagai muslim sejati serta penyatuan hati sejagat. Pada penganjuran World #QuranHour tahun 2022, surah Al-Sajdah yang bermaksud Sujud pula akan menjadi surah utama di dalam misi #QuranHour tahun ini bagi mengajak orang ramai menghayati erti Sujud yang sebenarnya. Seorang hamba yang bersujud kepada tuhannya dengan penuh keyakinan kepada Allah pasti dapat membuang sifat ego atau sombong yang menjadi formula untuk Berjaya di dunia & akhirat.

























**26 JANUARI 2022**

SENAMAN EROBIK PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DI PERKARANGAN TEMPAT LETAK KERETA PPANS, SEREMBAN 2




**25 FEBRUARI 2022**

TAKLIMAT PENANDA ARAS PENTADBIRAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN BERSAMA PERPUSTAKAAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DI PERPUSTAKAAN NEGERI SEREMBAN 2.



**9 MAC 2022**

BUKU DI HATI BERSAMA DATO' USTAZ JAAFAR PENASIHAT AGAMA PEJABAT MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DI PERPPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2


GREAT SAVINGS
UP TO RM480
























**4 JANUARI 2022**

PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DI DEWAN THEATRET,SEREMBAN






**11 JANUARI 2022**

MENERIMA SUMBANGAN 1,000 NASKAH AL-QURAN DARIPADA YAYASAN RESTU DI KEDIAMAN MENTERI BESAR





**29 JANUARI 2022**

MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP KARNIVAL TAHUN BARU CINA NEGERI SEMBILAN 2022 YANG BERTEMPAT DI N9 SUNGEI UJONG WALK






**8 FEBRUARI 2022**

MENGIRINGI DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR KE MAJLIS PERASMIAN MENARA MAINS, SEREMBAN








**18 FEBRUARI 2022**

MENYAMPAIKAN HADIAH BAGI PERTANDINGAN MENDEKLAMASI SAJAK DAN PENULISAN SAJAK DI D'TEMPAT COUNTRY CLUB, BANDAR SRI SENDAYAN, SEREMBAN








**8 MAC 2022**

MERASMIKAN PELANCARAN RESTORAN PANDU-LALU MCDONALD'S  DAN BILIK TERAPI SENSORI RONALD MCDONALD TAMPIN








**14 MAC 2022**

MERAIKAN PESARA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2021 DI KLANA RESORT SEREMBAN









**24 MAC 2022**

PENYERAHAN BANTUAN SENTUHAN KASIH MAIWP KEPADA MANGSA BANJIR DI HOTEL ROYALE CHULAN, SEREMBAN








MENCEMAR DULI KE MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 1443 HIJRAH BERSAMAAN 2022 MASIHI DI PUSAT DAKWAH ISLAM PAROI, SEREMBAN







**19 APRIL 2022**

PERSIDANGAN PERTAMA PENGGAL KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN), NEGERI SEMBILAN YANG KE-14 , SEREMBAN









**28 APRIL 2022**

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNTUK PEMBANGUNAN MALAYSIAN VISION VALLEY 2.0 DI D'TEMPAT COUNTRY CLUB, BANDAR SRI SENDAYAN